

O S U

# GEMPAK.

WEEKLY EDITION



SIAPA TERGEMPAK EDISI

GEMPAK  
MOST  
WANTED  
AWARDS 2024!





## Pengaruh GMWA Ezra, Scha, Sofea, Amin Abid, Acap & Hazwan

Memasuki tahun ketiga penganjurannya, Gempak Most Wanted Award 2024 (GMWA 2024) mencetak sejarah baharu.

Anugerah berprestij di bawah jenama Astro Gempak ini menyaksikan hasil undian fasa pertama, yang berlangsung dari 28 November hingga 28 Disember 2024 merekodkan pencapaian luar biasa sebanyak 9.5 juta, iaitu lapan kali lebih tinggi berbanding edisi sebelumnya iaitu 1.3 juta undian.

Sebagai calon yang tersenarai dalam lima terbaik atau TOP 5, tujuh calon pemenang GMWA 2024 yang dijadual berlangsung pada 23 Februari depan berkongsi tentang keterujaan dan bagaimana melihat konteks 'Paling Gempak' atau 'Most Wanted' sebagai pempengaruh yang menjadi idola ramai.

Tercalon dalam dua kategori iaitu Lagu/Audio Tergempak 2024 menerusi single Alahai dan Video Muzik Tergempak 2024 lewat lagu OMK feat Zubir Khan, Ezra Kairo memanjatkan rasa syukur kerana usaha yang dilakukan mula membawa hasil.

### **Ezra Mahu OMK feat Zubir Menang**

Ezra malah menyifatkan pencalonan dalam GMWA 2024 sebagai sebuah penghormatan buat generasi baharu yang sedang merancakkan industri hiburan masa kini.

"Saya berharap kemenangan atau ada rezeki pada lagu OMK kerana dihasilkan bersama sahabat baik saya, Zubir Khan," katanya Ezra ringkas. - MALIAH SURIP



Ditanya bagaimana melihat definisi 'Paling Gempak' atau 'Most Wanted', Ezra menyifatkan lebih ramai selebriti lain lebih gempak.

"Saya tak rasa saya gempak, ada ramai yang lebih gempak dari saya. Tapi saya hanya muhun menjadi yang terbaik buat peminat saya," katanya merendah diri.

## Perjuangan 9 Tahun Acap S

Acap S yang tercalon dalam kategori Digital Creator (Entertainment) Tergempak 2024, hasil kerjanya bersiaran langsung di TikTok selama sembilan tahun telah menjadi sebuah hobi yang bertukar kerjaya.

"Saya tak sangka tercalon kerana saya calon lewat. Terkejut tapi saya seronok kerana ini semua rezeki. Saya sudah 9 tahun berada dalam dunia ini."

"Saya suka berbual secara rawak dan suka bermain pantun dengan orang dalam siaran langsung saya. Dulu suka menghiburkan orang tapi kini sudah jadi karier," katanya.

Saat ditanya adakah dia berasa dirinya 'Most Wanted' atau Gempak, Acap menjawab: "Saya tak tahu saya 'Most Wanted' atau tidak. Kalau orang suka saya mungkin akan kata saya gempak tapi yang tak suka akan cakap saya tidak gempak, saya tetap okay."

## Hazwan Ramli "Terima Kasih Astro Gempak"

Menjadi pesaing nama-nama besar dalam gelanggang memasak seperti Khairul Aming dan Che Sayang Kitchen dalam kategori Digital Creator (Foodie) Tergempak 2024, Hazwan Ramli teruja kerana pihak Astro Gempak mengiktiraf hasil kerja belakang tabir pembikin konten sepertinya.

"Ini pertama kali tercalon dan masuk ke Top 5. Saya tak sangka kerana Astro Gempak mengiktiraf kerja belakang tabir kami yang buat video masak-masak pun di rumah sahaja."

"Saya berharap menang tapi jika calon lain yang bawa pulang anugerah saya tetap bangga kerana kami semua pun bersahabat," kata Hazwan yang sudah empat tahun serius menekuni karier ini.

## Amin Abid Mahu Enjoy

Amin dan Abid pula teruja kerana berpeluang buat kali kedua tercalon dalam GMWA. Untuk edisi 2024, Amin Abid menjadi Top 5 Digital Creator (Lifestyle) Tergempak 2024.

"Rezeki, ini memang rezeki kami. Kami tidak sangka ada orang sanggup undi kami sehingga masuk ke Top 5. Kami tidak fikir untuk menang, kami mahu enjoy. Tapi kalau menang itu rezeki," ujar Amin Abid.



## Semua Layak Di Top 5

Bagi Sofea Shra yang pertama kali tercalon dalam kategori Digital Creator Beauty & Fashion Tergempak 2024 menyifatkan semua calon sebagai hebat dengan cara tersendiri.

### Sofea Shra “Semua calon amazing”

“Semua calon sangat amazing dengan cara sendiri. Semua berusaha keras untuk bolos top 5. Bukan senang nak dapat. Jadi semua layak untuk berada di top 5. Saya doakan maju jaya buat kita semua,” kata Sofea.

Sementara pelakon Scha Elinnea tanpa berselindung mengaku teruja dan menyifatkan masuk Top 5 GMWA 2024 adalah salah satu pencapaian terbesar buat dirinya.

### Scha Tergamam

“Saya tergamam dan terharu sangat sangat sebab bila fikirkan balik siapa saja yang mahu habiskan masa untuk mengundi saya dalam kategori Selebriti Tergempak 2024 dan Drama Tergempak 2024. Tapi terima kasih buat Elinnea Diamonds fans Club dan peminat undi saya,” katanya penuh bahagia.

Selain Ezra Kairo, Scha Elinnea, Sofea Shra, Amin Abid, Acap S dan Hazwan Ramli, GMWA 2024 dibanjiri ramai pencalonan tergempak daripada 11 kategori termasuk Selebriti Tergempak, Program Digital Tergempak, Digital Creator (Lifestyle) Tergempak, Digital Creator (Foodie) Tergempak dan Digital Creator (Motivation & Education) Tergempak.

Bertemakan ‘Flex Your Art’, Edisi tahun 2024 turut memperkenalkan anugerah khas Keluarg Man of the Year yang mengiktiraf individu yang memberi impak positif dalam komuniti, juga anugerah utama Gempak Most Wanted 2024 untuk calon yang mendapat undian tertinggi secara keseluruhan.

Jangan sampai terlepas temujanji kita semua tapi sebelum itu teruskan mengundi calon pilihan anda untuk fasa kedua ini laman rasmi [www.gempakmostwantedawards.com](http://www.gempakmostwantedawards.com) bermula 15 Januari 2025, jam 6 petang sehingga 23 Februari 2025, jam 12 tengah hari.



# Senarai Penuh Top 5 Gempak Most Wanted Awards 2024

## Lagu/Audio Tergempak 2024

1. "Sabar, nape tak sabar ni?" - Pipija
2. Alahai - Ezra Kairo
3. Angau - Fahimi Rahmat
4. Cinta Tak Pernah Tepat Waktu - Aina Abdul & Fabio Asher
5. Sangkar Derita - Haqiem Rusli

## Program Digital Tergempak 2024

1. Confession Bilik Gelap - Aina Abdul
2. Dol's Podcast - episod 5 (Part 3)
3. PodcastSTERK: keputusan SPM 7G
4. Sembang Seram - Janna Nick
5. Seram Selebriti - Fadhli Masoot

## Drama Tergempak 2024

1. Cinta Untuk Sekali Lagi - Astro Ria
2. Dedaun Hijau Di Angin Lalu - Astro Ria
3. Nuh & Nayla - TV3
4. Syurga Itu Bukan Mudah - Astro Ria
5. Uncle Boss Mama - Astro Ria

## Video Muzik Tergempak 2024

1. Belum Mulai - Insomniacks & Nabila Taqiyah
2. Classic - DOLLA
3. Masing-Masing - Ernie Zakri & Ade Govinda
4. OMK - Zubir Khan ft. Ezra Kairo
5. Puas Sudah - Aina Abdul

## Digital Creator (E-Sport) Tergempak 2024

1. Kambing Golek
2. Dr. Say Shazril
3. Fathi Hussein
4. Muhammad Nor
5. Tun Laila

## Digital Creator (Entertainment) Tergempak 2024

1. Acap S
2. Kasih Iris Leona
3. Ryan Bakery
4. Shah Zakaria
5. Steph Beauty

## Digital Creator (Beauty & Fashion) Tergempak 2024

1. Agy
2. Hawa Johanis
3. Malia
4. Sofea Shra
5. Yana Hassan

## Digital Creator (Foodie) Tergempak 2024

1. Capikkkkk
2. Che Sayang Kitchen
3. Hazwan Ramli
4. Khairul Aming
5. Syiqin Azrin

## Digital Creator (Motivation & Education) Tergempak 2024

1. Adzrin Adzhar
2. Dr Say Shazril
3. Fathi Hussien
4. Muhammad Noor
5. Tun Laila

## Selebriti Tergempak 2024

1. Amir Ahnaf
2. Anna Jobling
3. Erysha Emrya
4. Meerqueen
5. Scha Elinnea

## Digital Creator (Lifestyle) Tergempak 2024

1. Afie
2. Fikri Zamri
3. Nor Padilah
4. Rasyidineedyou
5. Amin Abid

## Anugerah Khas Keluang Man of The Year

1. Aleeya Zailan
2. Yayan
3. Kapten Zahiruddin
4. Abbe Hae
5. Team LKP
6. Leeroy Wong
7. Abang Nobady
8. Staf Sarjan Nor Khalid

## Lagu Tema Gempak, Tiga Hos Mantap & Barisan Artis Popular Bakal Buat Persembahan Hebat Di GMWA2024



Gempak Most Wanted Awards (GMWA) 2024 menampilkan lagu tema baharu bertajuk 'Gempak Most Wanted', hasil nyanyian duet penyanyi terkenal Hael Husaini dan Nadeera Zaini.

Dengan tema 'Flex Your Art', GMWA2024 menyeru setiap pencipta kandungan digital untuk meneroka dan menonjolkan keunikan karya menerusi pelbagai medium.

Tema ini menjadi platform untuk meraikan nilai dan keistimewaan setiap ciptaan, memupuk rasa bangga secara positif, serta menginspirasi keberanian berkongsi karya di pentas dunia tanpa batasan.

### **Amelia Henderson, Sean Lee & Sherry Alhadad Sebagai Hos**

Acara ini mengekalkan hos tetap program, Amelia Henderson dan Sean Lee, di samping Sherry Alhadad sebagai pengacara.

Malam anugerah berprestij ini juga akan dimeriahkan dengan persembahan daripada artis-artis terkenal seperti Zizan Razak, Ernie Zakri, Hael Husaini, Amir Masdi, Ara Johari, Nadeera Zaini, Mimi Fly, Insomniacks, serta wajah-wajah baharu seperti 53 Universe, Naki dan Najmi Niery.

Bakal membuat kejutan adalah persembahan seorang diva terkemuka, sebuah band popular dan bintang dari seberang.



## 'Kiamat Kecil' Kebakaran Hutan Los Angeles, Ini Antara Yang Perlu Diketahui

Kebakaran Los Angeles sedang menjadi perhatian dunia apabila dalam tempoh 48 jam pertama insiden terjadi, kawasan kediaman mewah di Pacific Palisades dan Eaton musnah dan hangus dijilat api. Punca kebakaran hutan yang tercetus sejak 7 Julai lalu sehingga memusnahkan memusnahkan lebih 16,180 hektar di Greater Los Angeles dan membincaskan lebih 12,300 struktur termasuk kediaman mewah belum dapat diketahui.

Hal ini kemudian menimbulkan 'kepercayaan' dan ramai pengguna media sosial yang mengaitkan insiden kebakaran dashyat ini dengan insiden zalim yang berlaku terhadap penduduk Gaza. Namun apa saja fakta menarik tentang kebakaran tergempar dalam sejarah ini? - MALIAH SURIP



### Kerugian USD\$275 bilion

Sejak kebakaran bermula kurang 10 hari lalu, perkhidmatan ramalan cuaca AS, AccuWheater menganggarkan kerugian yang telah ditanggung setakat ini adalah sebanyak USD\$ 275 bilion.

Kebakaran ini telah memaksa ribuan penduduk berpindah, lebih 12,300 bangunan musnah dan sekurangnya 24 nyawa telah terkorban.

### Kediaman Selebriti Hangus

Turut terkesan dalam kebakaran ini adalah barisan selebriti yang memiliki kediaman mewah antaranya di Malibu, Pacific Palisades dan Beverly Hills.

Mereka termasuklah Paris Hilton yang kehilangan kediaman bernilai RM37 juta dengan sekilip mata.

Kediaman yang telah diduduki 15 tahun oleh aktor Mel Gibson juga hangus terbakar, sama seperti nasib yang dialami Jeff Bridges apabila kediaman turun temurun keluarganya musnah.

Seorang lagi pelakon legenda, Sir Anthony Hopkins yang juga pemenang dua kali Oscar melalui filem The Silence of the Lambs dan The Father, hilang dua rumah agam dalam kebakaran di Pacific Palisades, menurut pengesahan sumber kepada Hollywood Reporter.

### Banduan Padam Kebakaran

Pihak berkuasa tempatan turut menggunakan khidmat bantuan daripada golongan 'istimewa' dalam usaha memadamkan kebakaran di LA.

Seramai 931 banduan dari California bertungkus-lumus membantu memadamkan kebakaran hutan yang melanda negeri itu. Banduan-banduan tersebut diketahui menggali parit penghalang api dan membersihkan bahan bakar di kawasan berhampiran struktur bangunan bagi melambatkan penyebaran api.

Banduan yang menyertai program ini dibayar di antara AS\$5.80 hingga AS\$10.24 (RM26.18 dan RM46.22) sehari bergantung kepada tahap kemahiran masing-masing. Selain itu, mereka turut menerima tambahan AS\$1 sejam (RM4.51) daripada Cal Fire sekiranya ditugaskan di kawasan kecemasan, berdasarkan fakta rasmi CDCR.

Untuk rekod, seramai 8,500 anggota bomba terlibat memadam kebakaran yang menjadi sejarah terburuk di Amerika Syarikat.

# GEMPAK SINEMA



Pengarah: Ayez Shaukat, Silver Yee

Pelakon: Ayez Shaukat, Adriana Adnan, Syafie Naswip, Alvy Joanna dan Riesha Aslan.

Genre: Seram/Psikologi

Emp4t mengisahkan Sree, iaitu seorang gadis yang mempunyai kelebihan melihat makhluk halus menelusuri cabaran hidupnya yang penuh trauma dan kesunyian.

Setelah satu peristiwa aneh berlaku, Sree bersama tiga sahabatnya Diana, Arman dan Erika dibelenggu gangguan misteri.

Mereka perlu merungkai misteri sumpahan yang berkait rapat dengan sumpah darah sebelum perkara tidak diingini berlaku.



Pengarah: Dyan Sunu Prastowo

Pelakon: Shareefa Danish, Dimas Aditya, Cindy Nirmala

Genre: Seram

Utusan Iblis mengisahkan tentang Olivia dan Randy yang terlibat dalam penyelidikan sebuah kes pembunuhan. Olivia merupakan seorang pakar psikiatris penyakit mental manakala Randy pula merupakan seorang polis yang menangani kes pembunuhan dilakukan Cantika kepada anak dan suaminya.

Pada mulanya, Randy menduga apa yang dilakukan Cantika semata-mata kerana dia mengidap gangguan jiwa. Namun, selama proses penyelidikan, banyak hal-hal aneh terjadi, bahkan mempengaruhi kesihatan psikologi Olivia.

Rupanya, pembunuhan yang dilakukan Cantika ada kaitan dengan kejadian mengerikan yang menimpa Olivia di masa lalu



Pengarah: Leigh Whannell

Pelakon: Julia Garner, Christopher Abbott, Sam Jaeger

Genre: Seram/Fantasi

Mengisahkan tentang perjuangan aktivis kemerdekaan Korea pada tahun 1900-an dalam menentang penjajahan Jepun yang dipimpin oleh Ahn Jung Geun.

Bersama sekelompok aktivis dengan pemikiran sama, mereka bertekad untuk merebut kembali tanah air mereka dan membunuh penjajah Jepun, Ito Hirobumi.

Mereka mengejar hingga ke Harbin dan perjuangan merebut kembali kekuasaan untuk mengakhiri derita rakyat digambarkan dalam filem ini.



## Fenomena Kahar: Kapla High Council Kini Di Astro First

Filem aksi yang hangat diperkatakan sepanjang tahun 2024, Kahar: Kapla High Council, akan menemui penonton menerusi akses eksklusif di platform Astro First menerusi saluran Astro bermula 16 Januari dan peranti pilihan anda, sooka bermula 23 Januari.

Penerbit Eksekutif Kahar: Kapla High Council merangkap Ketua Astro Shaw, Raja Jastina Raja Arshad berkata pihaknya ingin mengucapkan terima kasih kepada penonton yang terus menyokong naskah tempatan.

Kahar:Kapla High Council dibintangi oleh Amir Ahnaff, Aedy Ashraf, Sky Iskandar, Fadhli Masoot, Khenobu, Thompson Goh, Faziq Muqrис dan ramai lagi.

## Kahar: Kapla High Council Tembusi Pasaran Antarabangsa

Selepas mencetuskan fenomena, filem Kahar: Kapla High Council terbitan Astro Shaw dengan kerjasama GSC, HM Entertainment dan ZAK Capital ini turut melangkah ke pasaran antarabangsa dan bakal ditayangkan di pawagam-pawagam Kemboja bermula 24 Januari 2025.

Filem arahan Razaisyam Rashid, skrip oleh the creator Anwari Ashraf ini baru sahaja menamatkan tayangan di pawagam seluruh Malaysia, Singapura dan Brunei dengan mencatatkan kejayaan kutipan lebih RM13 juta.



## Lokasi Akhir Konsert Jelajah Imaji Tour, UUM Jadi Saksi Kehebatan Vokal Aina Abdul



## Bukit Bintang Dibanjiri Siti Zoners Sempena Hari Jadi Siti Nurhaliza

Kelab peminat Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza iaitu Siti Zonerz membanjiri Bukit Bintang, Kuala Lumpur sempena ulang tahun kelahirannya yang ke-46.

Difahamkan Siti Zoners telah menghadiahkan enam video ucapan hari jadi yang berbeza di sebuah papan iklan digital bagi meraikan hari jadi penyanyi kesayangan mereka itu.

Namun suasana menjadi lebih meriah apabila pelantun lagu Bersandar Cinta itu turun padang berjumpa peminatnya dan sama-sama meraikan hari istimewanya.


Siti Nurhaliza juga turut membuat satu hantaran penghargaan mengucapkan terima kasih kepada peminatnya.

Universiti Utara Malaysia (UUM) yang merupakan lokasi terakhir konsert jelajah Imaji Tour merupakan saksi kehebatan vokal Aina Abdul.

Persembahan yang bersaksikan sekitar 2,000 peminat itu berlangsung dengan meriah dan meninggalkan memori indah buat penonton yang hadir.

Menyampaikan sebanyak 18 buah lagu, konsert anjuran Aina Abdul Entertainment dan Altus Prohouse ternyata meninggalkan 1001 kenangan manis buat 2,000 peminat yang hadir.

Antara lagu yang dinyanyikan adalah Sumpah, Puas Sudah, Semalam, Terus Hidup dan Jangan Mati Rasa Itu.





## Financial Faiz

@financialfaiz

### Kenali Kos Sara Hidup untuk Masa Depan Lebih Terancang

Pendidik Kewangan, Faiz Azmi menyatakan bahawa ada diantara rakyat Malaysia tidak memandang serius dengan ilmu kewangan. Maka tidak hairan lah jika masalah kewangan menjadi salah satu punca perceraian.

Bagi membantu rakyat Malaysia untuk memahami situasi kewangan mereka, Faiz atau lebih dikenali sebagai Financial Faiz berkongsi dimana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah bekerjasama dengan Universiti Malaya untuk menghasilkan Belanjawanku.

"EPF telah pun berkolaborasi dengan Universiti Malaya untuk mengeluarkan satu Belanjawanku. Dia nak terangkan kos-kos secara average yang anda perlu bayar sebagai seorang manusia mengikut keadaan-keadaan yang berbeza.

"Kalau dekat Lembah Klang, kalau anda bujang tapi tiada kenderaan hanya pakai public transport sahaja sebulan anda kena ada RM1,970. Maknanya setiap bulan anda akan kurang RM270 jika anda hanya dapat gaji minimum.

"Dan bila anda sudah ada kereta dekat Kuala Lumpur, secara purata anda kena ada RM2,8000.

"Nampak tak betapa besarnya impak sebiji kereta. Cuba bayangkan anda nak berkahwin pula, kos untuk kereta dengan rumah itu akan naik.


"Sebab itu kalau anda dah berkahwin, keperluan bulanan akan jadi RM4,970 ia ada big jump dari RM1970.

"Statistik pasangan bercerai sebab kekurangan duit adalah agak tinggi. Perkara ini berlaku kerana ramai yang pandang remeh dengan ilmu kewangan," katanya

Selain itu, statistik juga menunjukkan kadar perceraian yang tinggi akibat tekanan kewangan.

Ramai pasangan tidak menyedari kepentingan ilmu pengurusan kewangan sebelum melangkah ke alam perkahwinan, yang sering kali membawa kepada konflik dalam rumah tangga.

Panduan seperti Belanjawanku diharapkan dapat meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan perancangan kewangan.



## 5yo M'sian Boy Solves Maths Questions in Seconds & is Able to Read Spanish, Russian & Jawi



A five-year-old boy was dubbed a human calculator after he solved 10 mathematical equations without a calculator in less than 60 seconds. Uwais Mohammad Zulqarnain from Johor Bahru excels in one-digit multiplication and can also read Spanish, Russian, and Jawi. According to his mother, Surya Syafiqah A Rahim, 32, Uwais began mastering mathematics progressively from the age of four.

She added that Uwais can calculate numbers ranging from hundreds to trillions and is also capable of working with powers and square roots. Surya said his eldest son's abilities stem from his dedication and also encouragement from both her and her husband.

Due to his ability, Uwais has been attending maths class since he was six years old. He has also won several awards at his school, including awards for academic excellence and outstanding performance in maths.



## Grab Rider Fixes Elderly Couple's Motorcycle, Asks Only for Prayers Instead of Payment

A Grab rider gained attention online after he shared a video of himself on TikTok helping an elderly couple in need. According to the video's description, the rider recalled receiving a call about a flat tyre from another e-hailing rider.

Thinking it was the other rider having the flat tyre, he initially suggested that they meet at a nearby petrol station, but the other rider later told him he called because he had witnessed an elderly couple with a flat tyre on their motorcycle standing in front of a closed auto shop for three hours. Taking pity on the situation, the rider rushed to the scene and saw the elderly couple still waiting there.

He later discovered the couple was on their way home after picking the wife up from work. Suddenly, the front tyre of their motorcycle went flat, causing the elderly man to hit another car. But, thankfully, both the man and the wife were unharmed.

The rider then promptly started working on the flat tyre. When the couple offered to pay him for his service, the rider politely rejected and only asked that they pray for him in exchange.



## M'sian Couple Goes Viral for Unique Bridesmaids, Chooses to Have Ushers in 'Predator' Costumes

Typically, newlyweds have two people to act as ushers who walk with them as they make their way to their wedding dais. These ushers are often stunningly dressed in outfits or certain colours chosen by the couples.

However, one couple in Pahang's choices of ushers on their special day are completely unique.

In a video, a newlywed dressed in matching grey outfits was seen ushered into the venue of their reception with two men dressed head-to-toe as a famous sci-fi character known as 'Predator'.

Read full article in [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com)